

BULETIN KUBANG PASU

MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU



ISI KANDUNGAN

UCAPAN YANG DIPERTUA.....	3
PERSARAAN TUAN ISMAIL SEBAGAI AHLI MAJLIS, MPKP.....	4
BANTUAN BENCANA KEPALA AIR GUNUNG JERAI.....	5
 SEGMENT : JABATAN KESIHATAN DAN PERSEKITARAN	
• KEMPEN MEMBASMI WABAK/ HOTSPOT DENGKI DI	
TAMAN SERI TEMIN BAGI TAHUN 2021.....	6&7
 DARI LENSA MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU.....	8
 PENYERAHAN DEWAN WAWASAN SEBAGAI PUSAT KUARANTIN &	
RAWATAN COVID 19.....	9
SUMBANGAN RAYA KEPADA SEMUA KAKITANGAN	
MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU.....	9
 SEGMENT : PENGUATKUASAAN	
• OPERASI BERSEPADU BERSAMA PEJABAT KESIHATAN DAERAH	
KUBANG PASU PEMANTAUAN SOP PKP 3.0.....	10
 TAHUKAH ANDA?.....	11
 TEMPAT MENARIK DI DAERAH KUBANG PASU.....	12

DIREKTORI**JABATAN, BAHAGIAN, DAN UNIT**

NAMA	NO TELEFON
MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU	04 9183300
PA YANG DIPERTUA (PUAN HAYATI)	388
PA SETIAUSAHA (PUAN ADIBAH)	301
JABATAN	NO TELEFON
JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN	301
JABATAN KESIHATAN DAN PERSEKITARAN	321
JABATAN PERBENDAHARAAN	325
JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA	338
JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN	315
PERHUBUNGAN AWAM	303
JABATAN PUSAT SETEMPAT	317
JABATAN KEJURUTERAAN	318
JABATAN BANGUNAN	346
JABATAN PEMBANGUNAN LANDSKAP	316
JABATAN PERANCANGAN	323
JABATAN PENGUATKUASAAN	319
JABATAN PERUNDANGAN	343
BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT	313
UNIT AUDIT DALAM	

BULETIN 2021

PENAUNG

ENCIK AZMIN BIN ZAINOL ABIDIN AMK,BCK
(YANG DIPERTUA)

PENASIHAT

ENCIK FAIZAL AZLI BIN GHAZALI, BCK
(SETIAUSAHA)

KETUA EDITOR

ENCIK ZAINAL ABIDIN BIN MUHAMAD

SIDANG PENGARANG

UNIT MEDIA

JURUFOTO

MUHAMMAD AZMEER BIN GHAZALI
MUHAMMAD SYAZWAN BIN BASRI

PEJABAT AM

MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU
KOMPLEKS PENTADBIRAN DAERAH KUBANG PASU,
06000, JITRA , KEDAH DARULAMAN

TEL : 04 9183300
FAX : 04 9174057

Sebarang maklum balas atau pandangan
terhadap perkhidmatan yang
diberikan oleh MPKP hubungi kami melalui
saluran di bawah :

-  Majlis Perbandaran Kubang Pasu
-  04 - 9174057
-  04 - 9183300
-  aduan@mdkubangpasu.gov.my

UCAPAN YANG DIPERTUA

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia yang diberikan dapat untuk kita menerbitkan Buletin Majlis Perbandaran Kubang Pasu Edisi Mei - Ogos 2021. Sekalung tahniah dan terima kasih yang tak terhingga kepada semua pihak yang berusaha untuk menerbitkan buletin untuk tahun ini.

Tahun 2020 telah melabuhkan tirai dan meninggalkan kita dengan pelbagai peristiwa manis dan pahit. Kita telah menerima ujian yang berat dengan kehadiran virus Covid-19 yang melanda seluruh negara pada awal tahun 2020 dan berlanjutan sehingga kini. Namun dengan permuafakatan semua dan rasa tanggungjawab semua bagi memulihkan semula negara kita daripada kemerosotan ekonomi disebabkan pandemik tersebut. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh semua pihak untuk menangani wabak ini terutamanya kepada frontliner yang bertungkus lumus bekerjasama untuk memastikan negara kembali seperti biasa. Terima kasih kepada semua.

Harapan kita bersama agar negeri Kedah dibebaskan daripada belenggu wabak Covid 19 dengan secepat mungkin dengan penuh disiplin dan pematuhan SOP yang ditetapkan MKN.

Terima kasih kepada semua warga Majlis Perbandaran Kubang Pasu dan selamat menyambut tahun baru 2021.

Salam Hormat,
(Azmin Bin Zainol Abidin, AMK,BCK)
Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kubang Pasu





PERSARAAN TUAN ISMAIL SEBAGAI AHLI MAJLIS, MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU

Persaraan Tuan ACP Mohd Ismail Bin Ibrahim sebagai Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Kubang Pasu telah diadakan pada 7 Ogos 2021. Tuan ACP Mohd Ismail Bin Ibrahim telah dinaikkan pangkat sebagai Ketua Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard Ibu Pejabat Polis Kontinjen Johor bagi menjawat jawatan Ketua Jabatan Integriti & Pematuhan Standard. Tuan Haji Ismail telah menjadi Ahli Majlis di Majlis Perbandaran Kubang Pasu selama dua tahun.





BANTUAN BENCANA KEPALA AIR GUNUNG JERAI

Kerajaan Negeri telah menggerakkan semua agensi dan jabatan bagi menangani bencana kepala air di Daerah Yan dan Kuala Muda yang terjadi jam 5.30 petang 19 Ogos 2021. Bilik Gerakan peringkat Daerah dan Negeri telah diaktifkan.

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berhampiran, Majlis Daerah Pendang, Majlis Perbandaran Sungai Petani, Majlis Bandaraya Alor Setar dan Majlis Perbandaran Kubang Pasu digerakkan membantu Majlis Daerah Yan membersihkan kawasan, pemindahan dan logistik.

Majlis Perbandaran Kubang Pasu telah menghantar seramai 20 orang kakitangan dari Jabatan Pembangunan Lanskap untuk membantu membersihkan kawasan yang terjejas. Bantuan makanan jugak turut diagihkan kepada semua penduduk yang terlibat di daerah Yan.



Saturday, 21 August 2021
JABATAN PEMBANGUNAN LANSKAP (MPKL)



Friday, 20 August 2021
JABATAN PEMBANGUNAN LANSKAP (MPKL)



SEGMENT : JABATAN KESIHATAN DAN PERSEKITARAN

Kempen Membasmi Wabak/Hotspot Denggi Di Taman Seri Temin Bagi Tahun 2021

Premis yang tidak terurus menjadi potensi tempat pembiakan nyamuk aedes. Kesedaran penduduk yang masih rendah tentang pembiakan nyamuk aedes dan bahaya demam denggi. Isu pembuangan sisa pepejal yang tidak sempurna menjadi potensi tempat pembiakan nyamuk aedes. Sistem perparitan yang tidak sempurna mengakibatkan air bertakung dan menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes. Premis yang terbiar juga berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk.





SEGMENT : JABATAN KESIHATAN DAN PERSEKITARAN

Kempen Membasmi Wabak/Hotspot Denggi Di Taman Seri Temin Bagi Tahun 2021

Aktiviti semburan kabus oleh Jabatan Kesihatan dan Persekutuan Majlis Perbandaran Kubang Pasu bersama Pusat Kesihatan Daerah Kubang Pasu.



Jabatan Kesihatan dan Persekutuan dan Pusat Kesihatan Kubang Pasu juga telah mengadakan gotong royong kendiri bersama penduduk di Taman Seri Temin bagi mengekang penularan wabak denggi.



D A R I L E N S A

majlis perbandaran kubang pasu





PENYERAHAN DEWAN WAWASAN SEBAGAI PUSAT KUARANTIN DAN RAWATAN COVID 19



SUMBANGAN RAYA KEPADA SEMUA KAKITANGAN MPKP






SEGMENT : JABATAN PENGUATKUASAAN

Operasi Bersepadu Bersama Pejabat Kesihatan Daerah Kubang Pasu Pemantauan SOP PKP 3.0

Pemantauan dibuat di dalam kilang iaitu di kawasan operator kilang beroperasi, di surau kilang dan juga pemeriksaan kehadiran pekerja juga telah dibuat. Satu kompaun berjumlah RM10,000 telah dikeluarkan dan notis penutupan premis telah dikeluarkan.





TAHUKAH ANDA?

BAGAIMANAKAH CARA MEMBAYAR CUKAI PINTU SECARA ATAS TALIAN?

CARA 1

Anda boleh layari laman web Majlis Perbandaran Kubang Pasu <https://pbt.kedah.gov.my/index.php/majlis-perbandaran-kubang-pasu/> dan klik pada gambar di bawah.



CARA 2

Selepas anda klik pada gambar, anda akan masuk terus ke link berikut <https://pbtpay.kpkt.gov.my>





TAHUKAH ANDA?

BAGAIMANAKAH CARA MEMBAYAR CUKAI PINTU SECARA ATAS TALIAN?

CARA 3

Setelah anda masuk ke link berikut <https://pbtpay.kpkt.gov.my/> anda boleh mengisi detail yang diperlukan.

The screenshot shows a web browser window with the URL pbtpay.kpkt.gov.my. The page has a header with the logo of the Ministry of Finance (BENTUK) and the text "PBTPay". It features a slider image of two men in a studio setting, one in a blue suit and the other in a purple shirt, with the text "SPM" and "Selamat Hari Malaysia". Below the slider, there is a message in blue text: "Kini buat pembayaran di PBT lebih mudah". The main form area contains fields for "Jenis" (Type), "PBT", "No Akaun" (Account Number), and a checkbox for "Saya setuju dengan Terma & Syarat" (I agree to the Terms & Conditions). A "Semak" (Check) button is at the bottom. The browser's address bar and taskbar are visible at the top and bottom respectively.



TEMPAT MENARIK DI KUBANG PASU

Wang Tepus Ecotourism

Wang Tepus Ecotourism menawarkan pakej percutian dengan berbagai aktiviti yang menarik. Ada beberapa tempat penginapan unik disediakan seperti rumah tradisional dan resort yang cantik di Wang Tepus Ecotourism ini. Antara aktiviti yang ada termasuk melawat agro farm, river cruise dan dusun buah – buahan.

